

UMP terima van jenazah sumbangan DRB-Hicom

(UTUSAN MALAYSIA CEDAHAN NEGERI) 11 OGOS 2016 M/S 25

KUANTAN 11 Ogos - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sumbangan sebuah van jenazah daripada DRB-Hicom Berhad untuk dimanfaatkan seluruh warga universiti berkenaan dalam urusan pengkembaran warga universiti tersebut.

Van jenazah jenis Toyota Hiace itu disampaikan Ketua Bahagian Komunikasi Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Shaikh Abbas Ibrahim kepada Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam satu majlis di Masjid UMP Kampus Gambang, di sini semalam.

Daing Nasir berkata, pihaknya menghargai keprihatinan DRB-Hicom Berhad yang menyumbangkan kenderaan berkenaan untuk dimanfaatkan warga UMP selain merealisasikan inisiatif mengumpul dana MyGift institusi pengajian tinggi tersebut.

“Penubuhan Skuad Pengurusan Jenazah UMP oleh Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) baru-baru ini menjadi-



DR. DAING NASIR IBRAHIM (empat dari kiri) menerima replika kunci van jenazah sumbangan DRB-HICOM Berhad yang disampaikan Shaikh Abbas Ibrahim (tengah) di Gambang, Kuantan, Pahang kelmarin.

kan hasrat memberi khidmat berkaitan pengurusan jenazah bertempat di premis universiti ini berjaya direalisasikan.

“Dianggotai 80 sukarelawan dalam kalangan mahasiswa dan staf, skuad ini menawarkan perkhidmatan pengurusan jenazah yang lebih sempurna meliputi

persediaan peralatan pengurusan hingga penghantaran jenazah ke lokasi pengebumian.

“Diharapkan Pimpin dapat memanfaatkan van jenazah yang disumbangkan ini bagi memberikan khidmat terbaik sebagai amal jariah,” katanya selepas majlis penyerahan van jenazah itu.